

RENCANA PENGARANG

ENAM pilihanraya yang lalu telah menghasilkan enam Kerajaan dengan dua pertiga majoriti di Parlimen. Secara kebetulan kesemuanya terdiri dari Kerajaan parti yang sama — empat yang awal dari Perikatan dan dua lagi dari Barisan Nasional. Tetapi hakikat bahawa wujudnya persambungan Kerajaan yang kuat dan dari parti yang sama inilah yang telah memungkinkan kemajuan di negara ini.

Berucap kepada Majlis Peguam minggu lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berharap rakyat meneruskan lagi persambungan ini dalam pilihanraya akan datang kerana sebab yang sama. Tetapi apakah yang sebenarnya Kerajaan yang kuat itu? Bagi Perdana Menteri, ia tidak semestinya yang mempunyai kuasa mutlak, sebaliknya mempunyai suara yang besar di Parlimen. Kelebihan suara yang besar memberikannya kuasa yang cukup berkesan untuk mewujudkan ketenteraman dan

melaksanakan segala rancangannya bagi faedah negara dan rakyat.

Kebimbangan memanglah wujud bahawa Kerajaan yang kuat begini boleh menyalahgunakan kuasanya. Kebimbangan demikian juga wujud di sini, terutama memandangkan hakikat bahawa kebanyakan institusi penting telah pun dikuasai oleh Kerajaan — dalam pelajaran tinggi, pembinaan kebudayaan, bahasa dan lain-lain. Perdana Menteri sendiri tidaklah menafikan penyalahgunaan kuasa oleh sebuah Kerajaan yang kuat sebenarnya boleh berlaku.

Bagaimanapun, selain Kerajaan yang kuat, beliau juga menyebut suatu kualiti lain, iaitu bertanggungjawab. Sesungguhnya inilah yang wujud di sini sejak Kerajaan yang dihasilkan oleh pilihanraya yang pertama. Walaupun ramai yang masih kurang puas dengannya, sehingga ini Kerajaan yang kuat itu juga sentiasa bertanggungjawab. Perlembagaan masih terus dijunjung

walaupun beberapa pindaan terpaksa dibuat. Kerajaan tetap tidak mencampuri perjalanan kehakiman. Pilihanraya bebas terus diadakan dan pembangkang tetap dibenarkan bersuara di Parlimen jika mereka terpilih.

Namun adalah juga jelas Kerajaan yang kuat dan bertanggungjawab juga memerlukan imbalan kuasanya dengan nasihat dan fikiran membina untuk membolehkannya memerintah lebih adil dan berkesan. Kerajaan menyedari hakikat ini. Walaupun dengan batasan-batasan yang perlu, hak untuk bersuara tetap dihormati. Pertubuhan-pertubuhan, kesatuan-kesatuan, parti politik dan cendekawan dibawa berunding pada waktu-waktunya mengenai perkara-perkara tertentu. Dan keinginan Kerajaan mendengar fikiran dan suara rakyat semakin jelas. Persaingan hebat untuk merebut jawatan-jawatan pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian adalah suatu manifestasinya yang jelas.

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SELASA, 16 FEBRUARI, 1982

NEGARA MEMERLUKAN KERAJAAN YANG KUAT